

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

# 3,293 kes HIV direkod sepanjang tahun lalu

47 daripada jumlah itu babitkan pesakit bawah umur 18 tahun

**Kuala Lumpur:** Sejumlah 3,293 kes HIV yang bersamaan dengan kadar 10 kes bagi setiap 100,000 penduduk direkodkan di negara ini, tahun lalu.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata sebanyak 47 kes daripada keseluruhan jumlah berkenaan membabitkan mereka yang berumur bawah 18 tahun.

"Mengikut maklumat Majlis AIDS Malaysia (MAM), bantuan kewangan untuk kos pengurusan diberikan kepada 13 rumah perlindungan yang turut menerima pesakit HIV."

"Ia merangkumi Rumah Soleha (Kuala Lumpur) dan Casa Harapan (Pahang) yang menempatkan penghuni kanak-kanak pesakit HIV."

"Skop fungsi Kementerian Kesihatan ialah pencegahan penyakit, jagaan dan rawatan pesakit di hospital atau jagaan asas, tidak termasuk penyediaan rumah perlindungan sementara," katanya pada sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Seri

Azalina Othman Said (BN-Pengerang) mengenai statistik terkini kanak-kanak di negara ini yang dijangkiti HIV dan AIDS, selain jumlah rumah perlindungan dikendalikan kerajaan dan pihak swasta.

Dr Boon Chye berkata, kos pengendalian rumah perlindungan ditanggung Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), namun ia diserahkan kepada Kementerian Kesihatan pada 2017.

"Walaupun kita tidak mempunyai peruntukan khas untuk tujuan ini, namun atas dasar perikemanusiaan, sebahagian kos pengendalian rumah perlindungan dibiayai menggunakan dana bantuan kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan untuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO)."

"Ini memberi kesan kepada program pencegahan kerana peruntukan NGO amat terhad dan ia seharusnya dikhurasukan untuk pencegahan dan kawalan HIV," katanya.

Menjawab soalan Datin Mastura Mohd Yazid (BN-Kuala Kangsar) mengenai penyakit kronik dalam kalangan generasi muda, Dr Boon Chye berkata kaji selidik Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) pada 2015 menganggarkan beban penyakit kronik tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes, hipertensi dan hyperlipidaemia dalam kalangan rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas adalah sangat tinggi.

Beliau berkata, peratusan pe-



**Mengikut maklumat Majlis AIDS Malaysia (MAM), bantuan kewangan untuk kos pengurusan diberikan kepada 13 rumah perlindungan yang turut menerima pesakit HIV.**

**Dr Lee Boon Chye,  
Timbalan Menteri Kesihatan**

longan muda mengikut kategori umur bagi umur 18 hingga 19 tahun adalah sebanyak 22 peratus, 20 hingga 24 tahun (26.5 peratus), 25 hingga 29 tahun (33.7 peratus), 30 hingga 34 tahun (44 peratus) dan 35 hingga 39 tahun (49.7 peratus).

"Manakala beban penyakit hidup pertensi dalam kalangan golongan muda mengikut kategori umur bagi umur 18 hingga 19 tahun (6.7 peratus), 20 hingga 24 tahun (9.4 peratus), 25 hingga 29 tahun (13.2 peratus), 30 hingga 34 tahun (15.9 peratus) dan 35 hingga 39 (23.9 peratus)," katanya.

Dr Boon Chye juga berkata, sebanyak 17.5 peratus atau 3.6 juta rakyat Malaysia menghidap penyakit diabetes dengan peratusan golongan muda yang menghidap penyakit itu mengikut kategori umur bagi 18 hingga 19 tahun adalah sebanyak 5.5 peratus, 20 hingga 24 tahun (5.9 peratus), 25 hingga 29 tahun dengan (8.9 peratus), 30 hingga 34 tahun (10.6 peratus) dan 35 hingga 39 tahun (12.9 peratus).

"Kaji selidik itu juga menganggarkan sebanyak 17.7 peratus rakyat Malaysia mempunyai indeks jisim tubuh (BMI) obes."

"Peratusan generasi muda yang obes mengikut kategori umur bagi mereka berusia 18 hingga 19 tahun sebanyak (11.7 peratus), 20 hingga 24 tahun (12 peratus), 25 hingga 29 tahun (18.3 peratus) 30 hingga 34 tahun dengan (17.2 peratus) dan 35 hingga 39 tahun (20.5 peratus)," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 68

RUANGAN : AGAMA

# Vaksin berkesan cegah penyakit

Islam sediakan panduan pencegahan berdasarkan al-Quran, sunnah

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my

**Vaksin** dan imunisasi perlu dilihat dalam konteks rawatan kesihatan serta langkah pencegahan kepada penyakit kritis, sekali gus tidak menyimpang daripada sariat Islam yang jelas mementingkan maslahat manusia di dunia dan akhirat.

Dakwaan mengaitkan kandungan vaksin dengan bahan tidak halal dan meragukan, tidak sepatutnya terus diperbesarkan kerana Islam menyediakan panduan langkah pencegahan penyakit yang bukan bersifat semberono, sebaliknya berdasarkan al-Quran dan sunnah.

Malah, keputusan dikeluarkan Majlis Fatwa Kebangsaan yang menjelaskan hukum harus bagi penggunaan vaksin perlu diterima kerana selari dengan kaedah pencegahan dianjurkan Islam.

Ini kerana ia bukan hanya ditentukan pakar perubatan, sebaliknya menimbang tara pandangan pakar hukum syarak untuk menentukan sesuatu vaksin itu boleh digunakan atau sebaliknya. Hal itu tidak boleh dipandangkan kerana terdapat kes ketamatan di negara ini yang dilaporkan akibat tidak melalui program vaksinasi hingga memudahkan tersebarnya penyakit berjangkit khususnya yang berbahaya.

Antara yang menggemparkan negara ialah kes demam campak membabitkan penduduk Orang Asli suku Batek di Hulu Terengganu pada penghujung Jun lalu yang mengakibatkan empat da-



Seorang penduduk Orang Asli di Kampung Pasir Linggi menerima rawatan kesihatan sebelum suntikan vaksin daripada petugas khas Jabatan Kesihatan Gua Musang.

ripadanya meninggal dunia.

Ini disebabkan peratusan liputan imunisasi dalam kalangan masyarakat itu yang begitu rendah sehingga mudah wabak penyakit menular.

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puluhan Pinang, Dr Mohd Hapiz Mahaiyadin,

berkata syarak mengintegrasikan konsep pencegahan penyakit sebagai langkah awal kesihatan dan kewajipan mendapatkan rawatan bagi mengekalkan kesejahteraan tubuh badan.

"Pencegahan ialah wajib untuk kemasihatan umum seperti hadis: Apabila kalian mendengar wabak tauz di suatu tempat, janganlah kalian pergi ke situ dan sekiranya ia merebak di kawasan kalian, janganlah keluar mlarikan diri. (HR Bukhari & Muslim)."

"Orang Arab Badwi pernah berteriak kepada Rasulullah SAW sa-

ma ada boleh atau tidak mereka berubat apabila ditimpa penyakit. "Bagineh menjawab: Wahai hamba Allah sekalian, berubatlah! Sesungguhnya Allah tidak menjadikan sesuatu penyakit melainkan dijadikan bersamanya penawar (HR Tirmizi)," katanya....

Beliau berkata, ramai keliru dalam hal membabitkan perbezaan pandangan fikir berkenaan hukum berubat atau menerima rawatan.

"Secara umumnya, sebahagian ulama menyatakan hukum harus, selain ada berpandangan afdal atau lebih utama berubat, manakala tidak kurang mengaitkan afdal tidak berubat dengan bertawakal kepada Allah SWT. "Bagaimanapun, perbezaan pendapat dalam kalangan ulama itu, merujuk kepada keadaan penyakit biasa yang bukan kritis atau berbahaya serta boleh sembuh sendiri.

"Bagaimanapun, dalam kes darurat dan kritis seperti polio, tetanus serta virus papiloma ma-

nusia (HPV), semua fujaha menegaskan hukum merawat sebagai wajib kerana menjaga keselamatan nyawa (hifz al-nafs) yang menjadi antara elemen maqasid (tujuan) syariah," katanya....

Sebarang pengenalan vaksin baharu khususnya di tanah air, perlu mendapat kelulusan hukum pihak berkusa agama seperti Muzakkarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan.

"Dalam isu halal-haram membabitkan penggunaan vaksin, ia dilakukan dengan teliti seperti vaksin meningococcal meningitis untuk penyakit meningitis, iaitu keradangan selaput otak dan saraf tunjang.

"Muzakkarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Ke-53 yang bersidang pada 27 November 2002 membincangkan sumitan pelalian vaksin itu.

"Muzakkarah memutuskan hu-

mingococcal meningitis mencevax yang diambil daripada sumber lembu adalah harus, manakala meningococcal meningitis momumne yang mengandungi unsur daripada babi diharapkan," katanya.

Mohd Hapiz yang juga Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah berkata, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan perlu mengambil langkah mewajibkan pengambilan vaksin demi kepentingan umum, manakala rakyat wajib mematuhi keputusan waliyyul am; iaitu perintah.

Beliau menambah, kesedaran hal itu kepada golongan anti-vaksin perlu diperluaskan supaya dapat membuka minda golongan itu, sekali gus mengelakkan mereka terdedah kepada pelbagai penyakit berjangkit yang kritis.

**Mohd Hapiz Mahaiyadin, Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Puluhan Pinang**

ningococcal meningitis mencevax yang diambil daripada sumber lembu adalah harus, manakala meningococcal meningitis momumne yang mengandungi unsur daripada babi diharapkan," katanya.

Mohd Hapiz yang juga Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah berkata, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan perlu mengambil langkah mewajibkan pengambilan vaksin demi kepentingan umum, manakala rakyat wajib mematuhi keputusan waliyyul am; iaitu perintah.

Beliau menambah, kesedaran hal itu kepada golongan anti-vaksin perlu diperluaskan supaya dapat membuka minda golongan itu, sekali gus mengelakkan mereka terdedah kepada pelbagai penyakit berjangkit yang kritis.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEGARA

Virus dikesan pada babi di Sabah

# Tiga mati akibat JE

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

**P**UTRAJAYA — Sebanyak 15 kes penyakit *Japanese Encephalitis* (JE) dengan tiga kematian dilaporkan bagi tempoh enam bulan dari Januari hingga 13 Julai lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah (**gambar kecil**) berkata, tiga kematian itu direkodkan dengan dua di Sarawak, manakala satu lagi di Perak.

Menurutnya, kesemua kes itu adalah kes sporadik dan tiada wabak JE dilaporkan.

"Daripada 15 kes JE yang dilaporkan, empat kes di Sabah iaitu masing-masing satu kes di daerah Manggatal, Ranau, Papar dan Tambunan.

"Tiada trend peningkatan kes dikesan di negeri Sabah meski-



pun bagi tempoh yang sama pada tahun lalu sebanyak lima kes JE telah dilaporkan di negeri itu," katanya dalam satu senyataan semalam.

Media sebelum ini melaporkan, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Junz Wong mengesahkan terdapat virus JE pada babi di negeri itu dan virus berkenaan dikesan dalam ladang babi di Tambunan.

Noor Hisham berkata, kes terbaharu di daerah Tambunan pada 12 Julai lalu melibatkan seorang lelaki dewasa berumur 20 tahun yang telah dimasukkan ke Hospital Keningau pada 8 Julai lalu.

Lelaki itu kini masih menerima rawatan di wad perubatan hospital terbabit.

Katanya, satu lagi kes yang dilaporkan melibatkan kanak-kanak berumur tujuh tahun dari Ta-

**INFO****Japanese Encephalitis (JE)**

- Virus JE disebarluaskan kepada manusia melalui gigitan nyamuk Culex yang telah mendapat virus itu daripada binatang seperti khinzir atau burung liar.
- Tanda-tanda awal sakit kepala, muntah, demam, kekejangan
- Kesan daripada gejala penyakit ini termasuklah kecacatan otak dan kematian.

man Sentoria, Kota Samarahan, Sarawak adalah kes pada 2017 dan disahkan bukan kes JE.

Mengulas lanjut, menurut Noor Hisham, JE merupakan sejenis penyakit bawaan vektor disebabkan oleh flavivirus yang boleh mengalibatkan gejala viral *encephalitis*.

Jelasnya, kebanyakan negara di



SEMBURAN kabus dan permusnah tempat pembiakan nyamuk dilakukan bagi mengurangkan risiko jangkitan JE. — Gambar hiasan

Asia seperti India, Thailand, Filipina, Kembuja, Vietnam termasuk Malaysia merupakan negara endemik JE.

"Khinzir dan burung liar merupakan takungan semula jadi bagi virus ini dan ia boleh disebarluaskan kepada manusia melalui gigitan nyamuk Culex.

"Bagaimanapun, transmisi jangkitan tidak boleh berlaku daripada seorang individu kepada individu yang lain," ujarnya.

Tambahnya, tanda dan gejala

JE adalah seperti demam, sakit kepala, loya, gejala neurologi, lemah dan gangguan pada pergerakan.

"Individu yang mengalami tanda-tanda tersebut perlu berjumpa doktor untuk mendapatkan rawatan segera dan amalan perlindungan diri seperti penggunaan repelen serta memakai pakaian cerah yang menutup anggota dapat mengurangkan risiko gigitan nyamuk," jelasnya.

**AKHBAR : KOSMO**  
**MUKA SURAT : 12**  
**RUANGAN : NEGARA**

Diabetes, hipertensi, hyperlipidaemia catat peningkatan mendadak

# Orang muda hidap penyakit kronik

Oleh KU MOHD. RIZDUAN KU ABDUL RAHMAN

**KUALA LUMPUR** – Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) pada tahun 2015 menganggarkan beban penyakit kronik tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes, hipertensi dan hyperlipidaemia dalam kalangan rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas adalah sangat tinggi.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye berkata, prevalen atau kelaziman golongan muda yang menghidap penyakit diabetes berusia antara 18 tahun hingga 29 tahun mencatatkan sebanyak 20.3 peratus.

"Sebanyak 17.5 peratus atau 3.6 juta rakyat Malaysia menghidap diabetes. Daripada jumlah itu, peratusan golongan



BOON CHYE

muda yang menghidap penyakit ini bagi julat umur 18 hingga 19 tahun merekodkan prevalen 5.5 peratus dan bagi usia 20 hingga 24 tahun serta 25 hingga 29 tahun masing-masing dengan prevalen 5.9 peratus dan 8.9 peratus," katanya.

Beliau menjawab soalan **Datin Mastura Mohd. Yazid (BN-Kuala Kangsar)** yang meminta menyatakan apakah penyakit-penyakit kronik yang paling mendadak dalam kalangan generasi muda negara dan peratusannya.

Boon Chye memaklumkan, kajian itu juga menganggarkan sebanyak 30.3 peratus rakyat negara ini menghidap penyakit hipertensi dengan beban penyakit ini bagi penduduk berusia 18 hingga 19 tahun mencatatkan prevalen 6.7 peratus dan mereka yang berusia 20

hingga 24 tahun (9.4 peratus) manakala julat umur 25 hingga 29 tahun (13.2 peratus).

"Sebanyak 47.7 peratus rakyat Malaysia juga menghidap hyperlipidaemia. Beban penyakit tersebut mengikut kategori umur 18 hingga 19 tahun adalah dengan prevalen 22.0 peratus, dan umur 20 hingga 24 tahun pula 26.5 peratus manakala mereka yang berusia 25 hingga 29 tahun adalah 33.7 peratus," jelasnya.

Tarikhnya, Kementerian Kesihatan menyedari bahawa beban penyakit NCD dalam kalangan golongan muda amat membimbangkan sekali gus memberi fokus terhadap strategi Pencegahan dan Kawalan NCD pada peringkat awal.

"Strategi Pencegahan dan Kawalan NCD pada peringkat awal ini adalah mengikut *Life Course Approach* berdasarkan Pelan Strategik Kebangsaan Penyakit Tidak Berjangkit 2016-2025," katanya.



SEBANYAK 20.3 peratus golongan muda berusia antara 18 tahun hingga 29 tahun menghidap penyakit diabetes. — Gambar ilustrasi

## RINGKAS

### 3,293 kes baru HIV

**KUALA LUMPUR** – Sebanyak 3,293 kes HIV baru dilaporkan di negara ini atau pada kadar 10 kes bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun lalu.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye berkata, daripada jumlah itu, seramai 47 merupakan pesakit kanak-kanak berusia di bawah 18 tahun.

Menurutnya, berdasarkan maklumat Majlis AIDS Malaysia, pihak tersebut memberi bantuan kewangan untuk kos pengurusan kepada 13 buah rumah perlindungan yang turut menerima pesakit HIV.

"Bilangan kes HIV baru yang dilaporkan di Malaysia adalah sebanyak 3,293 atau pada kadar 10 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2018," katanya ketika sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat di sini semalam.

Boon Chye menjawab pertanyaan **Datuk Seri Azalina Othman Said (BN-Pengerang)** yang meminta kerajaan menyatakan statistik terkini kanak-kanak di negara ini yang dijangkiti virus HIV dan AIDS serta bilangan rumah perlindungan yang dikendalikan oleh kerajaan dan pihak swasta dan jenis bantuan yang disediakan.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 9  
 RUANGAN : NASIONAL

# 3,293 kes HIV baharu

**10 kes bagi setiap 100,000 penduduk pada 2018**

KUALA LUMPUR

**B**ilangan kes HIV atau *human immunodeficiency virus* baharu yang dilaporkan di Malaysia adalah sebanyak 3,293 kes atau pada kadar 10 kes bagi setiap 100,000 penduduk pada 2018.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, daripada jumlah itu, seramai 47 orang merupakan individu berumur bawah 18 tahun.

"Setakat ini apa yang dilakukan oleh kementerian untuk mencegah jangkitan HIV dalam kalangan kanak-kanak ialah setiap ibu yang mengandung telah dibuat saringan HIV.

"Kita juga memberi rawat-

an supaya mereka tidak menyebar jangkitan kepada bayi dan setiap kanak-kanak yang dijangkiti juga menerima rawatan," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Datuk Seri Azalina Othman Said (BN-Pengerang) yang meminta Kementerian Kewangan untuk menyatakan statistik terkini kanak-kanak di Malaysia dijangkiti virus HIV/AIDS dan berapakah rumah perlindungan HIV/AIDS yang dikendalikan masing-masing oleh pihak kerajaan dan pihak swasta serta jenis bantuan yang disediakan kementerian untuk mereka.

Mengulas mengenai pusat perlindungan kepada pesakit HIV, katanya, berdasarkan maklumat daripada Majlis AIDS Malaysia (MAM), pihak MAM telah memberi bantuan kewangan untuk kos pengurusan kepada 13 rumah

## KES HIV | AIDS 2018

- 3,293 kes

- 10 kes bagi setiap 100,000 penduduk Malaysia

- 47 kanak kanak berumur bawah 18 tahun menghidap HIV/AIDS



Program Rawatan Terapi Gantian Metadon oleh kerajaan bertujuan mengurangkan kemudaratian akibat aktiviti perburuan jarum yang menyumbang kepada HIV/AIDS.



Kanak-kanak yang dijangkiti virus HIV diberikan rawatan antiretroviral untuk mempertahankan bilangan virus HIV dalam dirah berada pada paras paling rendah & mengurangkan risiko jangkitan kuman lain



Setiap ibu hamil perlu jalan ujian saringan HIV/AIDS azar rawatan pencegahan dapat dibuat bagi memastikan bayi tidak dijangkiti virus



HIV - sejenis virus yang akan memasuki / menyerang badan seseorang dan menyebabkan AIDS

Ini boleh mengakibatkan pesakit mudah mendapat jangkitan kuman dan kanser

AIDS - Peringkat terakhir selepas jangkitan HIV yang memusnahkan sistem ketahanan badan

Sumber : Kementerian Kesihatan

Integrafik Bernama

perlindungan yang turut menerima pesakit HIV.

"Adalah dimaklumkan bahawa skop fungsi Kementerian Kesihatan (KKM) ialah pencegahan penyakit, jagaan dan rawatan pesakit di hospital atau di jagaan asas tetapi tidak termasuk penyediaan rumah perlindungan semestara," katanya.

Menurutnya, sebelum ini kos pengendalian rumah perlindungan adalah di bawah Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) tetapi pada 2017, KPWKM telah memberhentikan bantuan kos pengendalian dan meminta KKM mengambil alih kos pengendalian. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 34  
RUANGAN : SINAR NEGERI / TENGAH

## Dakwaan bayi ditinggalkan di HTAR tidak benar

KLANG - Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) menafikan terdapat seorang bayi yang ditinggalkan sebatang kara oleh ibu bapanya di hospital itu.

Pengaruhnya, Dr Mohamad Sabri Othman berkata, pihaknya memandang serius isu tersebut dan menasihati orang ramai supaya tidak mempercayai maklumat palsu yang disebarluaskan dan berhenti menularkannya kepada orang lain.

Menurutnya, kenyataan yang tular di akhbar tempatan dan media sosial itu tidak benar.

"Bayi tersebut berada dalam jagaan dan pemerhatian pihak hospital," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, waris dan



Gambar seorang bayi didakwa ditinggalkan di hospital yang tular di media sosial.

pesakit diingatkan supaya dalam wad termasuk larangan mematuhi peraturan ditetapkan mengambil gambar.

"Pihak HTAR kesal dengan tindakan segelintir waris yang menyebarkan berita tidak betul berkenaan pesakit lain.

"Waris dan pesakit juga tidak sepakutnya menyebarkan maklumat tidak betul kepada orang lain termasuk di media sosial sehingga menjelaskan kerahsiaan (privasi) pesakit," katanya.

Terdahulu, tular di media sosial kisah bayi tujuh bulan yang didakwa tinggal sebatang kara di hospital.

Pelayar Facebook yang memuat naik beberapa keping gambar bayi itu di katil wad hospital mendakwa ibu kanak-kanak tersebut tidak waras gara-gara bapanya berkahwin baharu.